



Oleh: Mohd Rosni Sulaiman dan Gahzali Nurillah, SSMP

SSMP Catat Pencapaian Cemerlang Pada Seminar MIFT Ke-8

SEKOLAH SAINS MAKANAN DAN PEMAKANAN (SSMP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempamerkan pencapaian cemerlang apabila memenangi beberapa acara yang dipertandingkan dalam seminar Malaysian Institute of Food Technology (MIFT) pada 15-16 Mac lalu. Seminar tersebut yang berlangsung di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu menyaksikan dua kumpulan yang mewakili UMS iaitu Kumpulan A dan Kumpulan B masing-masing mendominasi dua tempat teratas iaitu Johan dan Naib Johan bagi acara Food Bowl Quiz kategori prasiswazah.

Penyertaan itu merupakan kali kedua berturut-turut pasukan UMS menjadi johan dalam kategori tersebut. Lebih menarik lagi, dalam kedua-dua kejohanan itu, dua daripada tiga pasukan yang memasuki peringkat akhir adalah dari UMS. Kemenangan Kumpulan A UMS yang

terdiri daripada Nurfusheila Darysa, Chang Syh Syh, Cheng Yueh Fang dan Lee Poh Yoke sekaligus membolehkan pasukan itu terpilih untuk mewakili Malaysia ke pertandingan Food Bowl Quiz peringkat ASEAN yang akan diadakan pada 9-11 September 2013 di Singapura. Pasukan Kumpulan B UMS pula diwakili oleh Joanne Teh Wei Seen, Shahidatul Nurain Shamsuddin, Koh Shun Xian dan

Lizzie S. Gintor. Sementara itu, bagi kategori Pascasiswazah, pasukan UMS juga turut menjuarai acara Oratory yang buat julung kalinya disertai melalui peserta Kevin Yau Kian Hung selain menjadi Naib Johan bagi acara Oral Seminar yang diwakili oleh Ng Seah Young.

Acara yang diadakan dua tahun sekali itu antara lain bertujuan untuk mendedahkan siswa-siswi serta pelajar pascasiswazah bidang Sains dan Teknologi Makanan seluruh negara terhadap aktiviti-aktiviti anjuran MIFT seperti pertandingan kuiz, pembentangan seminar dan pertandingan pembangunan produk makanan baharu. Delegasi UMS diketuai Dekan SSMP, Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani yang turut hadir bersama beberapa kakitangan akademik yang lain iaitu Dr. Mohd Rosni Sulaiman, Prof. Madya Dr. Chye Fook Yee, dan Dr. Patricia Matanjun.

Bagi menjadikan negeri Sabah sebagai hab baru industri kreatif animasi, Dr. Zairul berharap usaha awal yang telah dimulakan oleh SPS, UMS dan North Borneo Media juga akan mendapat sokongan dan bantuan daripada agensi-agensi lain yang berkaitan dengan pembangunan industri kreatif di Sabah.

Melalui kerjasama yang lebih komprehensif bersama agensi-agensi yang berkaitan di bawah kerajaan negeri, beliau yakin usaha mengembangkan industri kreatif di Sabah akan menjadi lebih pantas, sekali gus mampu menyediakan peluang pekerjaan baru kepada para belia tempatan dan akan menjadi sumber penjanaan pendapatan kepada kerajaan negeri.

Malah di kesempatan ini Dr. Zairul yang mewakili pihak pengurusan studio animasi ingin mengucapkan

ribuan terima kasih kepada beberapa tokoh pemimpin di Sabah yang selama ini telah membantu mereka dalam usaha untuk mendapatkan geran industri kreatif daripada pihak KPKK.

"Kami yakin, melalui kerjasama dan perkongsian pintar antara SPS, UMS dan North Borneo Sdn Bhd serta dibantu oleh badan-badan di bawah KPKK seperti Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) serta sokongan dan bantuan daripada agensi di bawah kerajaan negeri akan menjadikan negeri Sabah sebagai hab baru dalam bidang industri kreatif animasi di peringkat tempatan dan antarabangsa," katanya mengakhiri perbualan.